

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah dan sebab-sebab penutupan SMEs termasuk bilangan pekerja yang terjejas bagi tahun 2020 dan 2021. Dan apakah cadangan Kementerian untuk membantu SME ini supaya memulakan perniagaan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah melaksanakan Kaji Selidik Ke Atas Usahawan kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021. Berdasarkan kaji selidik tersebut, sebanyak 104,784 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) telah gulung tikar dan memberi impak kepada 611,010 orang pekerja pada tahun 2020. Bagi tahun 2021 pula, sebanyak 37,415 PMKS telah menamatkan operasi yang memberi kesan kepada hampir 175,200 orang pekerja. (Anggaran 1 perusahaan mengupah 5 orang pekerja)

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kaji selidik MEDAC juga mendapati antara sebab-sebab PMKS menutup operasi atau gulung tikar adalah kerana:

- (i) tidak dapat beroperasi seperti biasa kerana terikat dengan pematuhan SOP dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- (ii) masalah aliran wang tunai sehingga menjejaskan operasi perniagaan.
- (iii) produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kurang mendapat permintaan daripada pelanggan semasa tempoh pelaksanaan PKP; dan
- (iv) gangguan rantaian bekalan yang menyebabkan kesukaran mendapat bekalan bahan mentah dan kenaikan harga bahan mentah.

3. Dalam hal ini, MEDAC komited dalam membantu usaha memulihkan semula PMKS yang telah gulung tikar. Bagi tujuan tersebut, MEDAC telah menyediakan skim pembiayaan bagi membantu PMKS yang gulung tikar, antaranya seperti:

**NO. SOALAN : 21**

- (i) Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0) di bawah TEKUN yang menyediakan pembiayaan sehingga RM20,000.
- (ii) Skim Pembiayaan PKS BRFlex-i di bawah Bank Rakyat yang menyediakan pembiayaan sehingga RM1 juta.
- (iii) Projek Jadi Usahawan Berjaya [(*Be Your Own Boss* (BYOB)] di bawah Pernas yang menyediakan pembiayaan sehingga RM500 ribu.

4. MEDAC juga telah mengambil ketetapan supaya proses permohonan pembiayaan bagi dana Kerajaan di bawah agensi MEDAC tidak akan mengambil kira penilaian CTOS dan CCRIS dalam tempoh pandemik ini.

5. Selain itu, tempoh kelulusan pembiayaan termasuk proses penyaluran juga disegerakan dan kriteria permohonan dipermudahkan.

Sekian, terima kasih.